

Perdana Menteri lancarkan program Kampungku

BH 3 DEC 1990

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini melancarkan program 'Kampungku' yang bertujuan memupuk semangat kekeluargaan, kesyukuran dan berdikari di kalangan penduduk desa bagi melahirkan rakyat cerdas dan cergas.

Pelancaran program yang berlangsung dalam suasana meriah itu diadakan di Padang Semarak, Kompleks Angkasapuri di sini dan disiarkan secara langsung menerusi Radio dan Televisyen Malaysia (RTM).

Turut hadir ialah Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat; Timbalannya, Encik Railey Jeffry; Setiausaha Parlimen, Datuk Fauzi Abdul Rahman dan pegawai serta kakitangan kementerian.

Beberapa acara menarik diadakan sempena pelancaran program itu, antaranya persembahan kompiang seribu oleh Kumpulan Ezhar dan Angkasapuri, koir oleh sekumpulan kanak-kanak, tarian zapin, silat dan gerak irama bendera Malaysia.

Sebelum itu, Datuk Seri Dr Mahathir menyaksikan upacara menaikkan bendera dan nyanyian beramai-ramai lagu Negaraku, Setia dan Kampungku.

Beliau kemudian dibawa melawat khemah Kampungku selepas menyampaikan pingat Setia kepada kakitangan Kementerian Penerangan. Beliau juga menerima cenderamata daripada Datuk Mohamed dan Kumpulan 3P yang menyertai program Kampungku.

Tidak ketinggalan ialah sambutan haji jadi ke-65 Perdana Menteri yang dibuat secara mengejut oleh kakitangan Kementerian Penerangan.

Beliau memotong kek khas berbentuk bendera Malaysia seberat 30 kilogram, sambil diiringi nyanyian lagu Selamat Hari Jadi.

"Kalau boleh saya tidak mahu diadakan sambutan hari jadi untuk saya sebab saya tidak mahu mengingati umur saya. Tapi nampaknya usaha saya tidak berjaya kerana semua orang mahu mengingatkan yang saya sudah tua," katanya dan disambut tepukan hadirin.

Dalam ucapannya juga beliau berharap program Kampungku akan mendapat perhatian seluruh rakyat dan dengan itu, dapat membantu kerajaan untuk menjayakan bangsa dan negara.